



## KENYATAAN MEDIA

# KERAJAAN PERSEKUTUAN TERUS MENYOKONG PELAKSANAAN INISIATIF *HEART OF BORNEO* DEMI KELESTARIAN HUTAN DAN KONSERVASI KEPELBAGAIAN BIOLOGI

**13 DISEMBER 2020**

---

Kepulauan Borneo kaya dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna serta terkenal dengan keindahan alam semulajadi. Demi memastikan khazanah semulajadi ini diuruskan secara berkekalan, Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia bersepakat menandatangani Deklarasi *Heart of Borneo* (HoB) pada tahun 2007. Jumlah keluasan kawasan yang terbabit di bawah Inisiatif HoB adalah sebanyak 20 juta hektar di mana 6.8 juta hektar daripada kawasan tersebut terletak di Negeri Sabah dan Sarawak.

Semenjak deklarasi HoB ditandatangani, pelbagai usaha dan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan di kawasan yang telah dikenal pasti di bawah inisiatif HoB telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga buah negara. Beberapa siri rundingan, mesyuarat dan seminar mengenai HoB juga telah diadakan sebagai platform untuk ketiga-tiga negara bertukar-tukar pengalaman, idea serta membincangkan isu-isu yang menyentuh kepentingan bersama mengenai HoB.

Antara pencapaian yang membanggakan sepanjang 13 tahun pelaksanaan inisiatif ini adalah pertambahan keluasan kawasan HoB Malaysia di Negeri Sarawak dari 2.1 juta hektar ke 2.7 juta hektar dan peningkatan keluasan *Totally Protected Areas* (TPA) di Sabah sebanyak 125,865 hektar. Hal ini sekaligus menunjukkan komitmen kukuh dan

berterusan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam menjayakan pelaksanaan inisiatif HoB. Selain itu, pengajuran *International HoB Conference* secara tahunan oleh Kerajaan Negeri Sabah telah menjadikan acara tersebut sebagai sebuah program *flagship* di bawah inisiatif HoB Malaysia.

Saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak di atas usaha dan komitmen berterusan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif HoB ini. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli selaku Pengerusi Kumpulan Kerja Pakar HoB dan *national focal point* bagi inisiatif ini akan terus komited dan menyokong penuh pelaksanaan inisiatif HoB sebagai salah satu projek nasional.

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak RM90.3 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 hingga RMKe-11 bagi membiayai projek-projek di bawah inisiatif HoB di negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan komited untuk meneruskan pelaksanaan inisiatif HoB ini bagi Rancangan Malaysia Ke-12 dengan meluluskan sebanyak RM11.26 juta pada tahun 2021 bagi melaksanakan projek dan aktiviti di bawah inisiatif HoB. Kesinambungan pelaksanaan inisiatif HoB di bawah RMKe-12 amat penting selaras dengan matlamat pengurusan hutan secara berkekalan dan usaha konservasi kepelbagaian biologi di kepulauan Borneo khususnya, dan Malaysia secara amnya.

**YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah  
Menteri Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya**

**13 Disember 2020**